



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK
Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya
30020 Ipoh
PERAK DARUL RIDZUAN

605-529 7444
<http://www.bomba.gov.my>
pgrsn_prk@bomba.gov.my



Ruj. Kami:JBPM/PK/CSM:500-5/11 Jld.3 (2)
Tarikh : 29 Mei 2024

Timbalan Pengarah
Semua Penolong Pengarah Bahagian
Semua Ketua Zon
Semua Ketua Balai

Tuan,

PERMOHONAN PEMBERIAN AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR) YANG TERKUMPUL SEBELUM TARIKH PERSARAAN SEBANYAK 90 HARI SELARAS DENGAN AKTA PENCEN 1980-PERATURAN-PERATURAN (PINDAAN) 2022 (PERATURAN BAHARU 21B) SERTA PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM)- PERSARAAN DAN FAEDAH SARAAN (CERAIAN PP.1.3.4) BAGI TAHUN 2024

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Ibu Pejabat JBPM Putrajaya nombor rujukan JBPM/IP/CSM:500-5/1/1 Jld.10 (62) bertarikh 14 Mei 2024 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui surat rujukan KPKT.BSM(S) 500-4/1/1 Jld.41(16) bertarikh 16 April 2024 telah memaklumkan bahawa peruntukan bagi permohonan Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) tahun 2024 bagi Kementerian dan Agensi dibawah KPKT telah habis digunakan. Jesteru **KPKT tidak akan menerima lagi sebarang permohonan bagi tahun 2024 untuk tujuan kelulusan.**

3. Sehubungan dengan itu, berdasarkan keputusan semasa dari KPKT ini, Ibu Pejabat JBPM Putrajaya ingin menarik perhatian semua bagi perkara berikut:-

'CEPAT DAN MESRA'



SIRIM



ACBQMS01



SIRIM



ACBABMS01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & ISO 37001:2016

- 3.1 tiada permohonan baharu dikemukakan selaras dengan surat terdahulu Ibu Pejabat JBPM rujukan JBPM/IP/CSM:500/1/1 Jilid 9 (64) bertarikh 07 Mac 2024; dan
 - 3.2 permohonan yang telah diterima lengkap **sebelum 31 Mac 2024** dan dalam tindakan Ibu Pejabat JBPM ini akan diangkat pada **Januari 2025 atau sehingga mendapat arahan dari KPKT.**
4. Selanjutnya, bagi memastikan permohonan yang telah diterima dapat diangkat untuk kelulusan pada tahun 2025, Ibu Pejabat JBPM Putrajaya telah memutuskan berdasar kepada perkara berikut:-
 - 4.1 Ibu Pejabat hanya akan proses permohonan terdahulu yang telah diterima (jika pegawai masih berminat);
 - 4.2 **permohonan baharu hanya akan diangkat setelah permohonan terdahulu selesai ke KPKT dan tertakluk kepada baki peruntukan semasa;**
 - 4.3 kuota permohonan Pemberian Awal Award Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) bagi Ibu Pejabat/Negeri/ Akademi adalah terhad kepada **2% dari jumlah pengisian semasa;** dan
 - 4.4 pegawai yang berminat untuk memohon Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) ditetapkan telah **berkhidmat melebihi 15 tahun dan mempunyai baki perkhidmatan 10 tahun sebelum bersara wajib.**
5. Sehubungan dengan itu, Tuan hendaklah memaklumkan keputusan ini kepada semua pegawai dibawah seliaan masing-masing.

Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.
Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(PKPjB SAYANI BINTI HAJI SAIDON, PMP., AMK.)

Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Negeri Perak

:

:



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire and Rescue Department of Malaysia
Lebuhr Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA


603-88927600
<http://www.bomba.gov.my>
sumber_manusia@bomba.gov.my



Ruj. Kami: JBPM/IP/CSM:500-5/1/1 JILID 10 (62)
Tarikh: 14 Mei 2024

SENARAI SEPERTI EDARAN

YS Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan,



PERMOHONAN PEMBERIAN AWAL AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR) YANG TERKUMPUL SEBELUM TARIKH PERSARAAN SEBANYAK 90 HARI SELARAS DENGAN AKTA PENCEN 1980 - PERATURAN-PERATURAN (PINDAAN) 2022 (PERATURAN BAHARU 21B) SERTA PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM) – PERSARAAN DAN FAEDAH SARAAN (CERAIAN PP.1.3.4) BAGI TAHUN 2024

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YS Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui surat rujukan KPKT.BSM(S) 500-4/1/1 Jld.41(16) bertarikh 16 April 2024 telah memaklumkan bahawa peruntukan bagi permohonan Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) tahun 2024 bagi Kementerian dan Agensi dibawah KPKT telah habis digunakan. Justeru KPKT tidak akan menerima lagi sebarang permohonan bagi tahun 2024 untuk tujuan kelulusan.

3. Sehubungan dengan itu, berdasarkan keputusan semasa dari KPKT ini, Bahagian ini ingin menarik perhatian YS Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan bagi perkara berikut:-

- 3.1 tiada permohonan baharu dikemukakan selaras dengan surat terdahulu Bahagian ini rujukan JBPM/IP/CSM:500/1/1 JILID 9 (64) bertarikh 7 Mac 2024; dan
- 3.2 permohonan yang telah diterima lengkap sebelum 31 Mac 2024 dan dalam tindakan Bahagian ini akan diangkat pada Januari 2025 atau sehingga mendapat arahan dari KPKT.

4. Untuk makluman YS Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan, pada tahun 2024 Bahagian ini telah mengemukakan sebanyak 306 permohonan ke KPKT daripada 683 jumlah permohonan yang diterima dan sedang menunggu kelulusan bagi permohonan yang telah dikemukakan ini.

'CEPAT DAN MESRA'



SIRIM



ACBQMS01



SIRIM



ACBADM501



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & ISO 37001:2016

5. Selanjutnya, bagi memastikan **permohonan yang telah diterima dapat diangkat untuk kelulusan pada tahun 2025**, Bahagian ini telah memutuskan akan mengambil tindakan berikut:-

- 5.1 bahagian hanya akan **memproses permohonan terdahulu** yang telah diterima (jika pegawai masih berminat);
- 5.2 **permohonan baharu hanya akan diangkat setelah permohonan terdahulu selesai ke KPKT dan tertakluk kepada baki peruntukan semasa;**
- 5.3 **kuota permohonan Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) bagi Ibu Pejabat/ Negeri/ Akademi adalah terhad 2% dari jumlah pengisian semasa; dan**
- 5.4 pegawai yang berminat untuk memohon Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) ditetapkan telah **berkhidmat melebihi 15 tahun dan mempunyai baki perkhidmatan 10 tahun sebelum bersara wajib.**

6. Sehubungan dengan itu, kerjasama YS Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan adalah dimohon untuk memaklumkan perkara ini kepada pengurusan Sumber Manusia Negeri/Akademi serta pegawai dibawah seliaan YS Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan.


7. Perhatian dan kerjasama pihak YS Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(ROSNADI BIN MAJID)

Pengarah Pengurusan

b.p.: Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k.:

- i. YAS KP
- ii. YAS TKP (O)
- iii. YAS TKP (P)

SENARAI EDARAN

JBPM Ibu Pejabat

YS Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
YS Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
YS Pengarah Bahagian Pembangunan, Kejuruteraan dan Logistik
YS Pengarah Bahagian Latihan
YS Pengarah Bahagian Udara
YS Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran
YS Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
YS Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat
Pengarah Bahagian Kejuruteraan Jentera
Pengarah Bahagian Pengurusan
Ketua Unit Integriti

JBPM Negeri-Negeri

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Labuan

Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia

Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah
Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur
Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Utara
Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak
Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sabah